

SIRI PENERBITAN  
FAKULTI PENDIDIKAN • UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

# SEKOLAH BERKESAN KONSEP DAN CIRI UTAMA



MOHAMMED SANI IBRAHIM  
MOHD IZHAM MOHD HAMZAH  
JAINABEE MD L.S. KASSIM



PEMENANG  
ANUGERAH KUALITI  
PERDANA MENTERI 2006

## SEKOLAH BERKESAN: KONSEP DAN CIRI UTAMA

Konsep keberkesanan sekolah atau Sekolah Berkesan masih merupakan satu konsep yang kabur walaupun konsep tersebut banyak digunakan dalam penulisan-penulisan tentang pengurusan dan kemajuan sekolah. Tujuan penulisan buku **SEKOLAH BERKESAN: KONSEP DAN CIRI UTAMA** adalah untuk memberi bukti dan pemahaman tentang isu-isu pengurusan perubahan dalam sistem pendidikan untuk menjadikan sekolah-sekolah di Malaysia sebagai Sekolah Berkesan. Para pentadbir sekolah kini menghadapi pelbagai cabaran untuk menjadikan sekolah di bawah pentadbiran mereka lebih cemerlang, gemilang dan terbilang. Mereka akan terus terlibat dalam kancah perubahan pendidikan. Masing-masing cuba mencari-cari apakah pendekatan yang terbaik untuk menjadikan sekolah-sekolah mereka lebih berkesan. Pelbagai pelan pembangunan sekolah telah digubal sebagai inisiatif untuk melancarkan projek-projek "Sekolah Berkesan". Kajian-kajian tentang kejayaan dan kegagalan projek-projek keberkesanan sekolah telah menghasilkan ilmu-ilmu dasar baru tentang proses-proses, amalan-amalan dan kesan-kesan daripada perubahan pendidikan.

Buku ini adalah sesuai dibaca oleh para Pengetua, Guru Besar, pentadbir-pentadbir di Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah, Ketua-ketua Jabatan di Institut Pendidikan Guru, Ketua-ketua Bidang dan Panitia, Pensyarah-pensyarah Universiti, serta guru-guru yang sedang mengikut program **Pentadbiran Pendidikan** sama ada di peringkat Ijazah Sarjanamuda, Sarjana atau Kedoktoran. Semoga buku ini akan memberi panduan berguna kepada mereka yang berminat untuk mewujudkan Sekolah Berkesan.

**Mohammed Sani Ibrahim, Mohd Izham Mohd Hamzah dan Jainabee Md L.S. Kassim** adalah pensyarah-pensyarah dalam bidang Pentadbiran Pendidikan di Jabatan Asas Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.



FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
<http://www.ukm.my/fpend>

ISBN 978-967-5046-14-2



9 789675 048142